

NO. SOALAN : 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KEDUA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE
BIN MOHD AKIM**

[BUKIT KATIL]

TARIKH : 26 JULAI 2017 (ISNIN)

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre Bin Mohd Akim [Bukit Katil] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah dapatan bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Idris Jala yang telah dilantik oleh Kerajaan untuk menangani krisis yang melanda Felda Global Ventures (FGV) serta cadangan penyelesaiannya.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai perkembangan semasa FGV baru-baru ini, kerajaan telah melantik Dato' Seri Idris Jala untuk membuat siasatan bebas.

Cadangan daripada badan bebas kepada FGV antaranya adalah untuk fokus kepada tiga perkara iaitu mengukuhkan tabdir urus korporat dan kawalan perniagaannya, menjalankan semakan perniagaan secara komprehensif dan juga menjalankan siasatan dalaman dengan penuh integriti. Menerusi tindakan-tindakan ini, Kerajaan yakin isu ini dapat diselesaikan dengan segera mengikut proses perundangan yang ditetapkan.

Berikutan dari itu, Tan Sri Dr Sulaiman Mahbob telah dilantik menjadi Pemangku Pengerusi FGV bagi menggantikan Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad yang telah meletakkan jawatan.

Di peringkat dalaman FGV, Lembaga Pengarah telah melantik Dato' Khairil Anuar Aziz memangku tugas Ketua Pegawai Eksekutif bagi menggantikan Jawatankuasa Lembaga Eksekutif (BEC) yang diumumkan sebelum ini. Dato' Khairil berperanan memastikan operasi perniagaan berjalan seperti biasa sementara proses siasatan dalaman (*Domestic Inquiry - DI*)

dijalankan terhadap Ketua Pegawai Ekecutif, Ketua Pegawai Kewangan dan dua lagi Pengurusan Kanan.

Berkenaan dengan proses siasatan dalaman, FGV telah melantik tiga panel bebas untuk menjalankan siasatan bermula 24 Julai 2017 bagi memastikan semua proses dijalankan secara telus dan mengikut undang-undang.

FGV juga telah mengumumkan dua wakil FELDA untuk menduduki kerusi Lembaga Pengarah FGV iaitu Yang Berhormat Dato' Abu Bakar Harun dan Encik Ab Ghani Mohd Ali. Manakala Datuk Muzammil sebagai Pengarah gantian. Ini akan memberi ruang kepada FELDA untuk memainkan peranan lebih besar dalam FGV dan dalam masa yang sama menjaga kepentingan Perneroka.

Sekian. Terima kasih.